
[BIL 8 NOV 2018](#)

40 mahasiswa, 500 pelajar sekolah terokai dunia Kejurute

Penganjuran *UMP Engineering's Day* anjuran kelab pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), iaitu *Mechapro Club* (MECHAPRO), Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 23 November 2018 yang lalu memberi penerangan mengenai bidang Kejuruteraan yang sesuai dengan minat dan prospek kerjaya mereka pada masa akan datang.

Program yang diadakan di UMP Kampus Pekan itu mendapat kerjasama pihak Jabatan Jaringan Industri (JJI) seramai 40 mahasiswa dan seramai 500 orang pelajar sekolah menengah sekitar Kuantan dan Pekan. Program ini berkonsepkan pendidikan Sains, Teknologi, Matematik dan Kejuruteraan (STEM) dan mengambil bahagian dalam *Games* dan *Engineering for Awesome (Explorace)*.

Hadir merasmikan program ialah Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) FKM, Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin dan Penasihat Program, Ts. Dr. Siti Haryani Tomadi.

Menurut Profesor Madya Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki, program ini dilihat mampu memberi impak yang besar kepada pelajar yang dapat mengumpul pelbagai maklumat yang berkaitan bidang Kejuruteraan.

“Perkembangan dunia Sains dan Teknologi pada masa kini dilihat kian pesat dan memerlukan komitmen yang bermutu selain dapat memfokuskan pembelajaran dalam dunia kejuruteraan secara interaktif dan kreatif.”

“Melalui aktiviti yang disediakan ini mahasiswa UMP dan pelajar sekolah turut dapat mengaplikasikan menyertai pertandingan yang disediakan,” ujar beliau.

Beliau berharap, penganjuran program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan sebagai suai dalam meneroka bidang Kejuruteraan di peringkat universiti.

Sementara itu, menurut Pengarah Program, Wan Husna Nabilah Meor Jamaludin, program ini merupakan s pelajar menghadapi cabaran untuk menempuhi Revolusi Industri 4.0 dan *Internet of Think (IOT)*.

“Selain itu ia juga dapat melahirkan golongan mahasiswa yang berkeyakinan tinggi bagi mendepani cab samping mempromosikan nama universiti dalam kalangan pelajar bagi memilih UMP sebagai destinasi p pengajian,” katanya.

Program *Chem E Car* hasil pelajar sekolah berda

Seramai 60 pelajar tahun empat, lima dan enam Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan meny Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 22 November 2018 yan

Menurut Pengarah Program, Profesor Ts. Dr. Hamzah Ahmad, program kolabaras bersama pihak sekolah menyuntik semangat pelajar sekolah dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

“Selain itu juga, program ini dapat melahirkan modal insan yang berdaya saing misalnya dalam pro penghasilan kereta menggunakan bahan terbuang seperti batang ais krim dan penutup botol.

“Melalui aktiviti ini mereka berupaya membentuk kreativiti dan kebolehan berfikir di luar kotak.

“Selain taklimat dalam penghasilan kereta tersebut, pasukan kami turun padang untuk bersama-sama mem
menunjukkan minat dan fokus dalam penghasilan reka cipta ini,” katanya.

Tambahnya lagi, selaras dengan moto (*tagline*) UMP ‘Memasyarakatkan Universiti’, pihaknya sentiasa m
teknologi yang terdapat di UMP terutama dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (ST

Manakala bagi Guru Penolong Kanan, SK Bunut Rendang, Rosnawati Khashmi, program kolaborasi julu
minat para pelajar terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik dan melahirkan pelajar yang bermotivasi

Beliau sendiri tidak menyangka dalam tempoh dua jam sahaja para pelajar dapat mencipta kereta mengiku

Beliau amat menghargai komitmen pasukan dari UMP dan merancang untuk meneruskan program.

Bagi murid Abdul Muiz Abdul Syukur, 10, sangat teruja apabila beliau dan dua lagi rakannya berjaya m
sabar untuk mengambil bahagian dalam program ini pada masa akan datang.

Kejohanan SUKFAC cungkil bakat sukan mahasi

Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang masuk edisi ke-10 ke-10 k
graduan UMP yang berketerampilan dan mempunyai daya saing yang tinggi baik dalam aspek akademik dan

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, sahaja sebagai atlet dalam pertandingan, tetapi juga penglibatan dalam penganjuran aktiviti sukan juga ha untuk mengasah kemahiran seperti membuat keputusan, pengurusan, komunikasi dan organisasi y kehidupan seharian.

“UMP sebenarnya memerlukan pelajar yang benar-benar berwibawa untuk membawa cabaran ke pe akademik, penyelidikan dan juga sukan.

“Banyak program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak universiti untuk menghasi berketerampilan,” ujar beliau yang hadir merasmikan kejohanan tersebut di UMP Kampus Pekan pada 16 M

Tambah beliau lagi, Pusat Sukan dan Kebudayaan juga berperanan untuk melahirkan atlet sukan yang m arena sukan dan juga kebudayaan.

“Melalui kepakaran dan kemudahan yang ada pada universiti, kita yakin para atlet UMP mampu bangkit u kebangsaan mahupun antarabangsa.

“Selain itu, pihak universiti sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh Pusat Sukan dalam m sukan di universiti.

Jelas beliau lagi, UMP mempunyai pelbagai prasarana sukan dan ianya akan dipertingkatkan dan diperbarui dengan perkembangan semasa sukan universiti.

“Saya berharap agar para pelajar akan mengambil peluang dan menggunakan segala kemudahan sukan yang disediakan untuk mengasah bakat dalam diri masing-masing.

“Sukan adalah satu aktiviti yang memerlukan latihan yang konsisten. Kemudahan yang telah disediakan akan lebih banyak digunakan,” ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru dekan-dekan fakulti agar dapat memberi sokongan penuh kepada kejohanan ini sama ada dalam bentuk sokongan moral, bantuan kewangan dan penglibatan dari peringkat fakulti secara langsung.

Penganjuran sukan ini berlangsung secara dua fasa iaitu pada 17 hingga 18 November 2018 di Kampus I dan II UMP, Kampus Gambang serta sekitar Kuantan.

Kejohanan menyaksikan sebanyak sembilan acara sukan dipertandingkan antaranya sepak takraw, ping pong, badminton, boling, bola baling, bola keranjang, dan tenis yang melibatkan penyertaan seramai 1,200 mahasiswa dan mahasiswi dalam kejohanan kali ini.

Tanpa minat, tiada matlamat - Heziwan

Langsung tidak menjadikan jurutera sebagai cita-citanya sewaktu kecil, beliau akhirnya memilih bidang Kejuruteraan Kimia sebagai kegemarannya dan kecintaan yang mendalam terhadap alam sekitar.

'Learn whatever it may be, whenever you can and wherever you will' merupakan pegangan hidup guru Heziwan Hamsah, 32.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dari Fakulti Kejuruteraan dan kini bekerja sebagai Jurutera Loji Kanan di Cenergi Tanah Makmur Sdn. Bhd. yang beroperasi di Pekan.

Sebelum itu, beliau pernah bekerja dalam sektor pembuatan, kimia polimer dan utiliti di Indah Water Konsortium.

Beliau kini bekerja dalam sektor utiliti di mana beliau sedang mengusahakan projek yang membekalkan tenaga yang diperbaharui atau dikenali sebagai *Waste-to-Energy*.

Menurut Heziwan, melalui projek ini bumi kita peroleh impak yang besar kerana dapat membantu mengurangkan suhu bumi akan menurun.

“Projek yang dijalankan ini juga dapat membantu kerajaan mencapai sasaran sebanyak 20 peratus tenaga daripada bahan terbuang menjelang tahun 2030,” katanya.

Ujarnya lagi, beliau mendapat sokongan penuh daripada isteri dalam mengusahakan projek ini memandangkan pencemaran yang semakin memberi kesan kepada kesihatan dunia dan menjejaskan masa depan.

Beliau berpendapat pemilihan jurusan pembelajaran pada peringkat universiti adalah amat penting.

“Belajar bermula dengan minat. Tetapi tanpa minat kepada sesuatu perkara atau kursus, seseorang tidak akan belajar,” katanya.

“Bagi saya, jika seseorang tidak fokus, mereka akan belajar tanpa matlamat dan tiada perancangan masa depan,” katanya.

Tambah beliau lagi, aktiviti yang disediakan oleh pihak universiti amat membantu pelajar untuk menyiapkan diri.

Apabila pelajar banyak melibatkan diri dengan aktiviti yang disediakan, tahap keyakinan dan jati diri dapat ditingkatkan dan untuk menempuh alam pekerjaan akan datang.

-
- 96 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

